

Berita

Kuala Lumpur City News

# BANDARAYA

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)  
Bil.5 Ogos 2008/ Sya'ban - Ramadhan 1429H

ISSN 1675-1876 Terbitan Percuma

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## Sambutan Hari Kebangsaan ke 51

Sambutan perayaan bulan kemerdekaan kali ke 51 peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dilancarkan oleh Datuk Ab. Hakim bin Borhan, Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 15 Ogos 2008 bertempat di Dataran DBKL. Di majlis tersebut sejumlah 20 helai bendera Jalur Gemilang bersaiz 3' x 6' telah diagih-agihkan kepada 51 persatuan dan agensi kerajaan termasuklah ahli-ahli parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, persatuan penjaja, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan beruniform, rumah ibadat, persatuan automotif, pertubuhan OKU, persatuan hotel dan persatuan bank.



Dengan pemberian bendera tersebut Datuk Bandar berharap semua pihak dapat bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang sebagai menzahirkan rasa cinta dan sayang kepada Negara. Majlis pelancaran tersebut turut dimeriahkan dengan nyanyian lagu-lagu patriotik serta pemasangan bendera pada kenderaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Zalnas limousine Sdn Bhd, Persatuan Radio Teksi Selangor & WPKL dan Kenarian Club.

DBKL juga telah mengatur berbagai program sepanjang sebulan sambutan kemerdekaan ini berlangsung. Program-program yang turut mendapat kerjasama agensi-agensinya kerajaan yang lain tersebut adalah meliputi persembahan kesenian, kebudayaan, acara sukan dan sebagainya yang diadakan di beberapa lokasi sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Secara amnya penganjuran program-program tersebut adalah untuk melahirkan rasa cinta dan sayang kepada negara serta memupuk sikap muafakat, bertolak ansur, bersatu padu dan saling menghargai satu sama lain. Ianya amat bersesuaian dengan tema Hari Kebangsaan iaitu 'Perpaduan Teras Kejayaan'.

Di samping itu sambutan Hari Kemerdekaan di kesemua kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan juga telah diadakan sempena sambutan perayaan berkenaan. Antaranya Parlimen Lembah Pantai, Bukit Bintang dan Seputeh bergabung tenaga untuk mengadakan Program Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-51 tahun 2008 di Kelab Sukan DBKL. Pelbagai acara telah diatur sempena sambutan tersebut seperti acara sukan rakyat, pertandingan karaoke, pertandingan mewarna, persembahan Kombo DBKL dan pelbagai acara menarik yang lain. Acara-acara seperti ini bukan sahaja sekadar menjadi hiburan di hujung minggu tetapi terselit juga sikap mahabbah dan semangat perpaduan yang jitu di antara kaum tanpa mengenal bangsa dan agama.

**"PERPADUAN TERAS KEJAYAAN"**

# DARI MEJA DATUK BANDAR



**H**ari Kemerdekaan negara kita menjelma lagi. Setelah 51 tahun merdeka, sewajarnya lah kita bersyukur dengan apa yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepada negara yang tercinta ini. Walaupun penduduk yang berbilang kaum kita masih dapat menikmati kehidupan yang aman

dan tenteram. Kita juga dapat mencari rezeki tanpa perlu merasa takut dan iri hati di antara satu sama lain. Malah kita telah sama-sama membangunkan negara kita dengan pencapaian tahap ekonomi dan pembangunan yang begitu menggalakkan sehingga meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang dikenali dan dihormati.

Sejak tarikh keramat 31 Ogos 1957 hingga ke hari ini, banyak kejayaan telah dicipta oleh generasi terdahulu hinggalah generasi sekarang. Menara Kuala Lumpur, Menara Berkembar Petronas (KLCC), Sistem Pengangkutan Monorel, LRT dan lain-lain lagi adalah lambang kepada kejayaan-kejayaan tersebut. Sudah tentu tanggungjawab generasi akan datang akan menjadi semakin mencabar kerana mereka bukan sekadar bertanggungjawab mengekalkan pencapaian lalu tetapi perlu membuktikan kepada sejarah tentang keupayaan membina masa depan yang lebih gemilang dan boleh dijadikan contoh generasi seterusnya.

Antara resipi kepada kejayaan yang dicapai sehingga ke hari ini adalah perpaduan yang kental di kalangan masyarakat majmuk di negara ini. Maka amatlah bersesuaian Perpaduan Teras Kejayaan dijadikan tema sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini. Sebagai warganegara Malaysia, kita haruslah menghayati maksud tema tersebut dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Usaha-usaha menggalakkan perpaduan tersebut perlulah dipupuk setiap masa dan terletak di bahu semua pihak samada sektor awam maupun sektor swasta.

Oleh itu marilah kita sama-sama terus mengekal dan memperkukuhkan perpaduan yang sedia ada. Sejarah selama 51 tahun yang lalu telah membuktikan bahawa dengan semangat bersatu padu kita bagai mencapai impian untuk membina sebuah negara yang stabil, maju, aman dan sejahtera.

# FROM THE MAYOR'S DESK

The Independence Day is here again. It has been 51 years since our Independence. This gratitude and thanks to Allah SWT for all the blessing He has bestowed upon our beloved country, is certainly in order. In spite of our multi racial populace, we are able to live peacefully and harmoniously. We are also able to seek our daily sustenance without any fear or envy against one another. In fact, we have strived hand in hand to develop our country and have achieved an encouraging level of economic standing coveted by many, making Malaysia a well known and highly respected nation.

From the historical day of 31st August 1957 to this very day, our forefathers has achieved success after success, and we, from the current generation have proceeded to carry the torch.. The Kuala Lumpur Tower, The Petronas Twin Towers (KLCC), The Monorail Transportation System, the LRT and many others stand proud as the symbol of these success. It seems that the future generation will need to carry a heavier burden which exceeds the need to sustain these achievements. They will also need to carve their mark in building a more glorious nation in the future and as such to be exemplary for the generations to come.

One of the many secrets to our excellent achievements lay in the strength of unity among our country's pluralistic communities making the theme of this year's Merdeka celebration, Perpaduan Teras Kejayaan or Unity the Foundation of Success most apt, indeed. As a Malaysian citizen, we should live by this theme and practice it in our daily lives. Efforts to promote such unity should be encouraged at all times and this is the responsibility of all parties, regardless of whether they are from the public or the private sector.

As such, let us all uphold and strengthen this unity that has been forged by those before us. 51 years of history has proven that the spirit of unity we live by has made us successful in reaching our dream of becoming a stable, peaceful and harmonious nation.

*Sayangi Kuala Lumpur*

# The 51st National Day Celebration

On 15th August 2008, the 51st national month celebration at the Kuala Lumpur Federal Territory level was launched by The Mayor of Kuala Lumpur, Datuk Ab. Hakim bin Borhan, at the DBKL Square. A total of 20 3' x 6' Jalur Gemilang flags were distributed to 51 associations and government agencies which include the members of parliament for the Federal Territory of Kuala Lumpur, the hawkers association, various non-government associations (NGO), various uniformed government agencies, houses of worship, the automotive association, the association for the disabled (OKU), the association of hotels and the association of banks.

The Mayor hopes that the distribution of these flags would encourage all parties to fly the Jalur Gemilang as a show of love and commitment to the Country. The launch was embellished with the rendition of patriotic songs and the installation of flags on vehicles belonging to the Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Zalnas limousine Sdn Bhd, Persatuan Radio Teksi Selangor & WPKL and the Kenarian Club.

DBKL has also organised a number of programs throughout the month long Merdeka celebration. Other programs which garnered support from various government agencies include those involving showcases on culture and arts, various sporting events and many others which would be held at numerous locations around the City of Kuala Lumpur. In line with this year's National Day Theme of 'Unity, the Foundation of Success (Perpaduan Teras Kejayaan)', these programs were aimed at expressing the love and commitment to the country as well as to inculcate cooperation, the attitude of give and take, unity and respect amongst one another.

In conjunction with this celebration, gotong royong activities were also held in numerous Federal Territory Parliamentary constituencies. The parliamentary constituencies of Lembah Pantai, Bukit Bintang and Seputeh also joined forces to conduct various Programs in Conjunction with the 51st Merdeka Day Celebration at the DBKL Sports Centre. Some of the events organised include tele-matches, karaoke competitions, colouring contests, performances by the Kombo

DBKL band and many other interesting events. Such events are not mere weekend entertainment but sought to inculcate the spirit muhibah, a strong sense of unity among people from different races and faiths.



## - " PERPADUAN TERAS KEJAYAAN " -

### Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Unit Komunikasi Korporat, Tingkat 5, Menara DBKL 1, Jalan Bukit Bintang, 50050 Kuala Lumpur. e-mel: dbkl@dbkl.gov.my, telefon: 3-2617 2803 Faks: 03-2698 0460. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda.

### Sidang Redaksi

Penasihat: Y.Bhg. Dato' Ab. Hakim bin Borhan  
Ketua Editor: Y.Bhg. Datuk Hj Salleh bin Yusup  
Editor: Anwar bin Mohd Zain  
Sub-Editor: Nor Iz Hayza bt Mohd Zam  
Pem. Editor: Wan Norazah bt Wan Md. Nor  
Jurufoto: Mubarak bin Atan  
Md Ismail bin Isnin